



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PEMBUKAAN OPERASI BILIK GERAKAN BENCANA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 27 NOVEMBER 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana KPKM serta menggerakkan operasi di semua peringkat bagi membantu petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir di beberapa negeri, termasuk Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, Terengganu dan Selangor.

Pengaktifan ini selaras dengan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang meramalkan ketibaan Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025 hingga Mac 2026, dengan jangkaan hujan lebat di beberapa negeri yang berpotensi menyebabkan banjir. Sehubungan itu, KPKM telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM di peringkat daerah dan negeri serta mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah.

Bilik Gerakan Bencana KPKM di peringkat negeri dan daerah kini sedang memantau keadaan cuaca secara berterusan, membuat hebahan awal kepada golongan sasar serta melaksanakan pelan mitigasi bagi mengurangkan kerugian sektor agromakanan negara sepanjang tempoh bencana.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha, KPKM yang turut dihadiri oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah bersetuju bahawa KPKM akan memberikan kerjasama penuh dalam membantu NADMA menyalurkan kit bantuan banjir melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta menggerakkan jentera bantuan banjir melalui Jabatan Pertanian (DOA). Kerjasama ini turut akan diperluas dengan penglibatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). NADMA juga akan menyalurkan maklumat bencana terkini kepada KPKM melalui Bilik Gerakan Bencana KPKM.

KPKM sentiasa berada dalam keadaan siap siaga dan bersedia menggerakkan aset-aset bagi membantu usaha menyelamatkan mangsa banjir sekiranya diperlukan, tertakluk kepada kebenaran daripada NADMA.

Selain itu, KPKM turut menyediakan bantuan pasca bencana kepada mereka yang terkesan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk tanaman padi dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi aktiviti agromakanan, sebagai usaha membantu petani, penternak dan nelayan yang memerlukan bantuan segera.

Orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana KPKM di talian **03-8870 1663 / 1664 / 1491** atau Bilik Gerakan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN





BILIK GERAKAN BENCANA KPKM

TELAH KEMASKINI PADA: 25 NOVEMBER 2025

W.P. PUTRAJAYA & KUALA LUMPUR

03-88701491/03-88701664/
03-88701663

PULAU PINANG

04-5372144 / 04-5372145

PERLIS

04-9384466/04-9381376

KEDAH

04-7775000

PERAK

05-2426176

SELANGOR

03-55189888

NEGERI SEMBILAN

06-7659278

MELAKA

06-2324669 / 06-2324414

KELANTAN

09-7442400 SAMB 174

TERENGGANU

09-6274000 / 09-6274189 / 09-62774187

PAHANG

09-5733133

JOHOR

07-2666706 / 07-2666707

SARAWAK

082-512030

SABAH

088-283283

W.P. LABUAN

087-468511

www.kpk.gov.my

@kpkmalaysia



kpk

